



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 13 April 2023 (Khamis) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	A Crying Need For A Department Of Ageing To Take Care Of Our Elderly https://www.thestar.com.my/lifestyle/family/2023/04/12/a-crying-need-for-a-department-of-ageing	The Star	Neutral
2	Minta Kad Perakuan Elak Ditipu Pegawai JKM Palsu https://www.sinarharian.com.my/article/254100/edisi/ke-lantan/minta-kad-perakuan-elak-ditipu-pegawai-jkm-palsu	Sinar Harian	Neutral
3	'Sabar Ya Nak, Ibu Ada Duit Nanti Ibu Beli' https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/04/956175/sabar-ya-nak-ibu-ada-duit-nanti-ibu-beli	Harian Metro	Neutral
4	Buang Air Kencing Guna Saluran Khas		Neutral

	https://www.kosmo.com.my/2023/04/13/buang-air-kencing-guna-saluran-khas/	Kosmo	
5	<p>Budak Melecur Disambar Api Ketika Main Bunga Api</p> <p>https://www.hmetro.com.my/utama/2023/04/956352/budak-melecur-disambar-api-ketika-main-bunga-api</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/254252/berita/semasa/budak-perempuan-melecur-ketika-main-bunga-api</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/04/13/budak-4-tahun-melecur-main-bunga-api/</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/04/12/budak-5-tahun-melecur-separuh-badan-akibat-mercun/</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/04/1089330/kanak-kanak-perempuan-melecur-ketika-bermain-bunga-api</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Kosmo</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Berita Harian</p>	Neutral
6	<p>Lelaki Dikhuatiri Lemas, Terjatuh Ketika SAR Dua Kanak-Kanak Hilang Dalam Sungai</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/04/956247/lelaki-dikhuatiri-lemas-terjatuh-ketika-sar-dua-kanak-kanak-hilang-dalam</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/254221/berita/semasa/tragedi-bot-karam-wanita-lemas-dua-anak-hilang</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Sinar Harian</p>	Neutral
7	<p>Suhakam Cadang Jawatankuasa Tetap Tangani Isu Perlindungan Kanak-Kanak</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/04/12/suhakam-cadang-jawatankuasa-tetap-tangani-isu-perlindungan-kanak-kanak/</p>	FMT	Neutral
8	<p>Wanita Berpantang 36 Hari Maut Dengan Kesan Tusukan Di leher</p>		Neutral

	<p>https://www.hmetro.com.my/utama/2023/04/956271/wanita-berpantang-36-hari-maut-dengan-kesan-tusukan-di-leher</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ibu-dalam-pantang-ditemukan-mati-dengan-kesan-tikaman-di-leher-415230</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/04/1089302/wanita-dalam-pantang-maut-pisau-tertusuk-pada-leher</p> <p>https://www.utusan.com.my/berita/2023/04/ibu-dalam-pantang-ditemukan-mati-dengan-kesan-tikaman-dileher/</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Astro Awani</p> <p>Berita Harian</p> <p>Utusan</p>	
9	<p>Wanita OKU Maut Terbakar Sudah Lama Terlantar Di Atas Katil</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/wanita-oku-maut-terbakar-sudah-lama-terlantar-di-atas-katil/</p>	<p>Utusan</p>	Neutral
10	<p>Demi Keadilan, Keluarga Sedia Bawa Wanita Koma Ke Mahkamah</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/04/12/demi-keadilan-keluarga-sedia-bawa-wanita-koma-ke-mahkamah/</p>	<p>FMT</p>	Neutral
11	<p>Wanita Dirampas Mykad Tidak Dinafikan Rawatan Di Hospital Kerajaan</p> <p>https://www.thesundaily.my/cerita/berita/wanita-dirampas-mykad-tidak-dinafikan-rawatan-di-hospital-kerajaan-FP10862263</p>	<p>The Sun Daily</p>	Neutral
12	<p>Warga Emas OKU Rentung Dalam Kebakaran Rumah Kedai</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/661960</p> <p>https://majoriti.com.my/berita/2023/04/12/warga-emas-oku-rentung-dalam-bilik-air-rumah-kedai-2-tingkat-hangus-terbakar-di-george-town</p>	<p>Malaysia Kini</p> <p>Majoriti</p>	Neutral

	https://www.bernama.com/bm/am/news_bencana.php?id=2181039	Bernama	
	https://tvstv.my/2023/04/12/lelaki-rentung-rumah-kedai-dua-tingkat-hangus/	TVSTV	
13	Mayat Warga Emas Terjun Jambatan Ditemui Selepas 28 Jam		Neutral
	https://www.kosmo.com.my/2023/04/12/mayat-warga-emas-terjun-jambatan-ditemui-selepas-28-jam/	Kosmo	

A CRYING NEED FOR A DEPARTMENT OF AGEING TO TAKE CARE OF OUR ELDERLY

<https://www.thestar.com.my/lifestyle/family/2023/04/12/a-crying-need-for-a-department-of-ageing>

Sumber : The Star



Working folks envy their colleagues who have retired. No more nine to five, no more taking orders from the boss, no more stress from meeting deadlines or worrying about ROI.

They have all the time now to do what they like, go where they want and be able to finally pursue their dreams, whether it's to travel, take up a new hobby or get a degree.

This is an idealised picture of retirement. Unless we have prepared well, the retirement years can be far from golden. Just take a walk in the inner-city streets, the back alleys, or visit low-cost flats (PPR). You will see the other side of retirement. Not a pretty picture.

Every so often we read about an elderly abandoned at the bus-stop or at a hospital.

According to the Social Welfare Department (JKM), about 2000 elderly have checked into welfare homes over the past five years. The actual figure is probably much higher. An estimated 71% of EPF contributors do not have enough savings to live above the poverty line.

To be fair, there have been improvements over the years. Senior citizens enjoy discounts on public transport. Medical care is practically free at government clinics, and easily affordable at public hospitals. Elder-friendly facilities are now fixtures in public buildings, and there are special lanes in government departments to serve the elderly.

There are plans to have an activity centre for seniors (Pusat Aktiviti Warga Emas or PAWE) in every parliamentary constituency. The grant for each PAWE to run the centre has been raised from RM33,330 to RM50,000 annually. All very good, but these improvements have been long overdue, and are a very small step towards preparing for the future.



There are plans to have an activity centre for seniors (PAWE) in every parliamentary constituency such as this one in Taman Medan, Petaling Jaya. The grant for each PAWE to run the centre has been raised from RM33,330 to RM50,000 annually. These improvements have been long overdue, and are a very small step towards preparing for the future. - Filepic

Based on findings of the on-going Malaysia Ageing and Retirement Survey (MARS) conducted by Universiti Malaya's Social Wellbeing Research Centre, and involving 5,613 respondents, Malaysia will be classified as a super-aged nation by 2056 when 20% of the population is aged 65 and above.

Academics and researchers on ageing have conducted countless surveys over the years. It is such a waste of time, money and effort when nothing much happens after they have presented their findings to the government.

The proposal to introduce legislations against elder abuse and abandonment has been brought up now and then over the past two decades. Each time the issue raises a storm of controversy, then the buzz fizzles out till the next time it is mentioned again in Parliament.

As an example, in Sept 2019, then Deputy PM and Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail announced the Senior Citizens Bill would be tabled in Parliament in early 2021.

With the subsequent change in government, the bill was left in limbo. Fast forward to March 2023. Current Deputy Minister Aiman Athirah Sabu, in responding to a question, said the bill would be tabled in Parliament for the first reading in 2024! When that time comes, will there be yet another delay? Will the same scenario repeat itself?

Speaking in the Dewan Rakyat recently, Women's Minister Datuk Seri Nancy Shukri, commended the National Senior Citizens Advisory and Consultative Council (MPPWEN) on their role they played. The council meets only twice a year. The urgency is not there.

There is a crying need for an inter-ministerial committee on Ageing. Any action plan on ageing should involve more than just the Women, Family and Community Development Ministry.

NGOs, CSOs and representatives from the B40 group should also be at the table. These are the grassroots leaders who are familiar with the problems faced and are directly impacted by any decisions made. They speak from lived experience, and their voices should be heard.

Bear in mind proposals and plans are just that, on paper and in discussions in meeting rooms where the elderly who are the target group do not have a seat at the table.

Even when Acts and Bills are passed, implementation is painfully slow due to bureaucratic red tape. The Social Welfare Department (JKM) has too much on its plate: from the welfare of women, children, senior citizens, OKU to the community at large.

Each demographic group has its own set of issues to deal with. When resources are limited, priority is often given to women, children and youths.

After all, for the elderly their days are numbered. They do not contribute much to the economy and in fact are seen as a drain on limited resources for welfare.

These retirees and pensioners, mostly in their 70s and 80s, have contributed much to nation-building in their younger days. Now in their twilight years, they are overlooked, if not forgotten in the broader scheme of things.

The haves can take care of themselves. Our concern is the have-nots – the B40 elderly and those living without family support. Aside from the crumbs given to senior citizens at every Budget allocation, they are often shut out in the job market, and denied opportunities to better themselves.

What they need is sustained financial support, not one-off handouts as and when, and also access to long-term health care. How long do the elderly have to wait for better days ahead in the time they have left? It is a time bomb ticking away when we consider the ramifications an ageing population presents.

MINTA KAD PERAKUAN ELAK DITIPU PEGAWAI JKM PALSU

<https://www.sinarharian.com.my/article/254100/edisi/kelantan/minta-kad-perakuan-elak-ditipu-pegawai-jkm-palsu>

Sumber : Sinar Harian



KOTA BHARU - Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Kelantan menyarankan orang ramai untuk meminta kad perakuan sekiranya didatangi kakitangan agensi berkenaan bagi mengelakkan mereka ditipu oleh individu yang menyamar sebagai pegawai JKM.

Pengarahnya, Said Sidup berkata, setiap kakitangan dibekalkan dengan kad perakuan sebagai bukti mereka adalah kakitangan JKM.

"Setiap kali turun ke lapangan, kakitangan JKM akan memakai 'vest' berwarna jingga tertera logo agensi berkenaan.

"Jika individu itu tidak menepati ciri-ciri tersebut bermakna mereka bukan kakitangan JKM," katanya kepada Sinar Harian selepas menjawab isu individu menyamar sebagai kakitangan JKM yang ligat menipu warga emas di sekitar jajahan Jeli.

Menurut beliau, bagi merungkai keraguan, orang ramai boleh menghubungi pejabat JKM untuk mendapatkan pengesahan.

Ujarnya, JKM Kelantan menegaskan pihaknya tidak pernah melantik mana-mana ejen untuk menjadi wakil agensi itu untuk melakukan kerja-kerja bantuan kepada golongan yang memerlukan.

Said berharap penduduk lebih berwaspada dan membuat laporan terus kepada pihak polis jika telah menjadi mangsa kepada penipuan itu.

Sinar Harian pada Isnin melaporkan seorang wanita yang menyamar sebagai 'Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)' bertindak memperdayakan warga emas di sekitar jajahan Jeli dengan menawarkan bantuan bulanan serta rumah baharu.

Wanita berusia 40-an itu dikatakan menaiki sebuah Perodua Axia berwarna hijau bersama seorang lelaki menyasarkan golongan warga emas.

Salah seorang ahli keluarga mangsa yang hanya ingin dikenali sebagai Zali, 51, berkata, pada Ahad, ibu dan bapa mentuanya yang tinggal di Kampung Lawar di sini telah didatangi 'pegawai JKM' yang kononnya ingin melakukan banciaan.

'SABAR YA NAK, IBU ADA DUIT NANTI IBU BELI'

<https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/04/956175/sabar-ya-nak-ibu-ada-duit-nanti-ibu-beli>

Sumber : Harian Metro



Taiping: Berat dugaan seorang ibu apabila lima orang anaknya menghidap pelbagai penyakit kronik termasuk Orang Kurang Upaya (OKU).

Selain itu, dia turut diuji dengan masalah rumah tangga sehingga terpaksa menumpang tinggal di rumah ibu dan ayah angkatnya di Changkat Jering, di sini, hampir setahun lalu.

Hatinya kian terusik apabila anak-anaknya bertanyakan persiapan hari raya Aidilfitri yang berbaki kurang dua minggu lagi.

"Dengan tiada pekerjaan tetap, saya terpaksa berjimat cermat dengan wang bantuan bulanan lima anak yang diberikan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak RM900 untuk menampung kehidupan seharian.

"Apabila anak-anak bertanyakan bunga api, baju raya, saya jadi sebak dan hanya meminta mereka bersabar dan akan menunaikannya bila ada duit nanti," katanya selepas menerima kunjungan dari Pegawai Daerah Larut Matang dan Selama (LMS), Mohd Nasrul Menhat dalam Program empowerNCER Transformasi Komuniti hari ini.

Katanya, dia menerima ketentuan takdir apabila anak sulung, Muhammad Badri Shafy Misran Lianto, 14, Nurul Syifa Iwani Jamadi, 9, (autisme), Nurul Sufi Imani, 7, (kanser otak tahap tiga)

Muhammad Syamsi Faroukqi, 6, (asma) dan Muhammad Syahmi Anaqi, 3, mengidap penyakit masalah mata.

"Anak ketiga sudah pun menjalani tujuh pembedahan di kepala dan kini memakai tempurung silikon di dalam kepalanya.

Bagi rawatannya pula dia hanya dirawat di Hospital Ipoh dan Kuala Lumpur saja.

"Alhamdulillah ada sebuah badan bukan kerajaan (NGO) dari Pulau Pinang memberikan bantuan RM200 sebulan untuk kos pengangkutan ke sana dan dengan duit itulah saya terpaksa berjimat cermat," katanya.

Katanya, anak ketiganya juga turut bergantung pada susu khas dan bantuan susu khas selama enam bulan yang diterima secara one-off dari Baitulmal sudah tamat.

Sementara itu, Mohd Nasrul berkata, beliau akan memanjangkan masalah keluarga ini kepada agensi yang berkaitan.

"Kita sedaya upaya membantu mereka terutamanya dalam mendapatkan semula bantuan susu daripada pihak Baitulmal termasuk beberapa perkara lain seperti bantuan persekolahan bagi memastikan anak - anak keluarga ini tidak tercicir dalam pembelajaran," katanya

Orang ramai boleh memberikan sumbangan menerusi akaun Public Bank 6486986829 (Zety Norazieda Ismail).

BUANG AIR KENCING GUNA SALURAN KHAS

<https://www.kosmo.com.my/2023/04/13/buang-air-kencing-guna-saluran-khas/>

Sumber : Kosmo



REMBAU – Tiada apa yang diharapkan daripada seorang pesakit kanser tahap empat selain mengharapkan bantuan orang ramai untuk meneruskan kelangsungan hidup selain menanggung kos rawatan penyakitnya.

Mohd. Hadip Ramli, 54, berkata, dia kini terpaksa menumpang di rumah adiknya di Batu Hampar selepas kesemua wang simpanannya habis digunakan bagi tujuan perubatan.

Katanya, penyakit kanser pangkal hidung itu mula dikesan tiga tahun lalu ketika dia bekerja di Johor.

“Saya rasa pelik apabila terdapat bengkak dari telinga hingga ke leher.

“Ketika itu musim pandemik Covid-19, jadi bila tahu sakit kanser, saya tangguhkan rawatan dan terus bekerja. Namun, sejak tahun lalu, kesihatan saya semakin terjejas dan saya pulang ke kampung dan menumpang di rumah adik perempuan.

“Mereka yang banyak membantu menguruskan keperluan saya termasuk menghantar saya ke Hospital Tuanku Ja’afar (HTJ) di Seremban serta Institut Kanser Negara (IKN),” katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Bekas pekerja kapal dan bengkel itu berkata, sejak simpanannya habis digunakan, dia banyak bergantung kepada bantuan adik dan keluarga lain.

Tambah Mohd. Hadip, dia juga terpaksa memohon bantuan memandangkan keperluan ubat-ubatan, lampin pakai buang serta susu khas yang digunakan ketika ini mencecah RM500 sebulan.

“Saya kini mengalami kesukaran untuk bertutur dengan jelas, membuka mulut untuk makan serta menelan makanan.

“Lebih sedih lagi, saya terpaksa menggunakan saluran khas untuk kencing dan kesemuanya itu juga memerlukan kos bulanan.

“Buat masa ini, saya telah memohon bantuan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sejak awal tahun ini dan masih lagi menunggu keputusan,” katanya.

Dalam pada itu, orang ramai yang mahu membantu boleh menyalurkan sumbangan ke akaun bank CIMB **7039845583** atas nama Mohd. Hadip Ramli.

BUDAK MELECUR DISAMBAR API KETIKA MAIN BUNGA API

<https://www.hmetro.com.my/utama/2023/04/956352/budak-melecur-disambar-api-ketika-main-bunga-api>

Sumber : Harian Metro



Pendang: Kanak-kanak perempuan melecur di bahagian badan dipercayai akibat disambar api sewaktu bermain bunga api di hadapan rumahnya di Kampung Senara, Kubur Panjang di sini, malam kelmarin.

Kejadian dipercayai berlaku 10.30 malam, Selasa lalu, menyebabkan mangsa, Nur Zatil Hidayah Mohd Tarmizi, 4, melecur hampir 46 peratus pada sebahagian badannya.

Ketua Polis Daerah Pendang Deputy Superintendan Arriz Sham Hamezah mengesahkan menerima laporan berhubung kejadian itu dan pihaknya menerima laporan itu daripada pihak hospital, 2.45 pagi semalam.

Beliau berkata, siasatan awal mendapati kejadian dipercayai sewaktu mangsa serta dua abangnya berusia tujuh dan 10 tahun bermain bunga api di depan rumah mereka.

"Ketika itu, ibu bapa mangsa pula berada di dalam rumah dan dikatakan sedang menonton televisyen.

"Namun, secara tiba-tiba suami isteri itu terdengar jeritan anak mereka dan berlari keluar, sebelum mendapati dua anak lelaki mereka sedang cuba memadam api yang membakar tubuh mangsa," katanya ketika dihubungi hari ini.

Arriz Sham berkata, bapa mangsa yang bekerja kampung itu kemudian mengambil sebaldi air lalu menjirus pada bahagian badan anaknya itu, sebelum membawa mangsa ke Hospital Pendang.

Beliau berkata, pihaknya masih menjalankan siasatan lanjut berikutan bapa mangsa mendakwa anak perempuannya itu disyaki terbakar selepas disambar api akibat daripada pelita minyak tanah ketika ingin menyalakan bunga api.

"Namun kejadian sebenar hanya akan diketahui selepas kita mengambil rakaman keterangan dua abang mangsa kerana buat masa ini mereka masih trauma.

"Pihak hospital setakat ini masih belum memaklumkan laporan keputusan punca kecederaan sebenar mangsa sama ada disebabkan oleh minyak pelita atau mercun," katanya.

Arriz Sham berkata, mangsa kemudian dihantar ke Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) di Alor Setar untuk rawatan lanjut.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-kanak 2001 iaitu ibu bapa atau penjaga mendedahkan kanak-kanak kepada bahaya.

LELAKI DIKHUATIRI LEMAS, TERJATUH KETIKA SAR DUA KANAK-KANAK HILANG DALAM SUNGAI

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/04/956247/lelaki-dikhuatiri-lemas-terjatuh-ketika-sar-dua-kanak-kanak-hilang-dalam>

Sumber : Harian Metro



Sepulut: Wanita ditemukan lemas manakala tiga termasuk dua beradik dikhuatiri lemas dalam kejadian bot karam di Sungai Penawan, Kampung Sin-Singon, di sini, semalam.

Mangsa, Lerina Rody berusia 26 tahun ditemui oleh penduduk kampung, pada 3.15 petang.

Jurucakap Pusat Gerakan Operasi, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah berkata, pihaknya menerima laporan berkaitan kejadian pada 1.14 tengah hari.

Katanya, sepasukan bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Sook dan Keningau termasuk anjing pengesan (K9) serta dibantu Pasukan Bomba Sukarela (PBS) Nabawan digerakkan ke lokasi kejadian.

"Menurut maklumat awal daripada pemanggil, kejadian membabitkan lima sekeluarga, yang mana bapa, Joffrin Palandok, 36 tahun dan anak lelaki, Jilan Joffrinos berusia lima tahun berjaya menyelamatkan diri.

"Ibu mangsa ditemukan lemas, manakala dua beradik lain iaitu, Carbrineleyvonne, 7 dan Joffizan, 9 tahun hilang.

"Sementara, seorang lelaki berusia 38 dikhuatiri lemas selepas terjatuh ketika operasi SAR kanak-kanak berkenaan, hari ini," katanya dalam kenyataan media, hari ini.

Menurutnya, pasukan bomba membuat operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) dengan kaedah pencarian di permukaan di sekitar kawasan bot karam.

"Pencarian dua lagi mangsa yang memasuki hari kedua pada 8.42 pagi hari ini, dijalankan di sepanjang sungai dengan anggaran pencarian sejauh tiga kilometer," katanya.

Sementara itu, katanya ketika operasi pencarian dua lagi mangsa dijalankan, terdapat seorang lelaki berusia 38 tahun iaitu kumpulan orang kampung yang turut serta dalam operasi SAR terjatuh ke dalam sungai dan hilang.

"Kejadian berlaku kira-kira 4 petang ketika operasi SAR dijalankan membabitkan semua agensi dan orang kampung.

"Operasi SAR tiga mangsa diteruskan dan maklumat akan dikemaskini dari semasa ke semasa," katanya.

Operasi turut disertai Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Keningau.

SUHAKAM CADANG JAWATANKUASA TETAP TANGANI ISU PERLINDUNGAN KANAK-KANAK

<https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/04/12/suhakam-cadang-jawatankuasa-tetap-tangani-isu-perlindungan-kanak-kanak/>

Sumber : Free Malaysia Today



PETALING JAYA: Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) mencadangkan agar satu jawatankuasa tetap antara agensi bagi mengenalpasti jurang, mengumpul sumber, dan mengatur tindak balas untuk melindungi kanak-kanak.

Pesuruhjaya Kanak-Kanak Suhakam, Farah Nini Dusuki dalam satu kenyataan berkata, jawatankuasa itu perlu disertai sektor kerajaan dan kumpulan masyarakat.

Katanya, memandangkan fungsi demokratik dipegang oleh entiti awam dan swasta, maka satu platform dialog wajar untuk menyemak dan menyatukan tindakan utama bagi tindak balas operasi yang sistematik.

“Walaupun Malaysia menghasilkan pencapaian signifikan dalam perundangan yang melindungi hak kanak-kanak, usaha yang tidak bersepadu dan pertindihan perkhidmatan dikesan berlaku dalam pelbagai agensi kerajaan.

“Terdapat jurang kemajuan reformasi perundangan di kalangan pegawai penguatkuasa yang secara langsung menjejaskan usaha penggubalan undang-undang. Jadi, sistem mekanisme perlindungan perlu ditambah baik bagi meningkatkan keberkesanan secara keseluruhan,” katanya.

Menurutnya, perkhidmatan perlindungan sedia ada bagi kanak-kanak belum memenuhi indikator perlindungan yang dimaksudkan di bawah Akta Kanak-Kanak 2011.

“Kami percaya bahawa tanggungan tugas pentadbiran awam dan perlindungan hak kanak-kanak adalah tidak saling eksklusif. Pelaksanaan tugas kerajaan hendaklah selaras dengan akta ini bagi memastikan keberkesanan dalam segala perkara berkaitan kanak-kanak,” katanya.

WANITA BERPANTANG 36 HARI MAUT DENGAN KESAN TUSUKAN DI LEHER

<https://www.hmetro.com.my/utama/2023/04/956271/wanita-berpantang-36-hari-maut-dengan-kesan-tusukan-di-leher>

Sumber : Harian Metro



Bachok: Wanita dalam pantang 36 hari ditemukan maut dengan kesan tusukan di leher di Kampung Beris Panchor, Tawang, di sini, hari ini.

Dalam kejadian jam 6 petang itu, mangsa berusia 35 tahun ditemui berlumuran darah dalam bilik tidur oleh ahli keluarga.

Ibu mangsa, Zuraizah Mat, 58 berkata, mangsa ditemui di bawah katil dengan sebilah pisau pemotong sayur berada di bahagian tengah lehernya.

Katanya, sebelum kejadian, dia berada di ruang tamu dan mangsa menyerahkan anak lelakinya untuk bercakap di telefon dengan suaminya yang berada di Kedah.

"Anak pesan minta jaga bayinya dan dia kemudian masuk ke dalam bilik tidur, namun disebabkan dia berada lama dalam bilik, saya minta anak bongsu intai guna tangga sebab bimbang keselamatananya.

"Kami cuba pecah pintu bilik beberapa kali sebelum berjaya memecah masuk namun terkejut mendapati anak terbaring berlumuran darah dengan pisau tertusuk pada lehernya," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Beris Panchor, Tawang, di sini, hari ini.

Zuraizah berkata, dia melihat anaknya masih bernyawa dan mencabut pisau berkenaan sebelum meminta ahli keluarga membawa mangsa ke Klinik Kesihatan Beris Panchor.

Katanya, selepas melahirkan anak ke empat, mangsa banyak mengadu sakit di bahagian perut.

"Pagi tadi, dia baharu sahaja ke Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) kerana masalah kesihatan dan doktor ada nasihatkan dia ambil ubat, sejak balik dia macam tertekan," katanya.

Zuraizah berkata, mangsa dipercayai mengambil pisau di stor luar rumah dan masuk ke bilik tidur sebelum mengunci diri.

Katanya, mangsa sebelum ini tinggal di Kedah bersama suami dan tiga anak sebelum pulang ke kampung untuk berpantang.

Katanya, menantunya turut terkejut dengan kejadian ngeri itu berikutan mereka baharu sahaja selesai bercakap di telefon.

"Saya terpaksa bagi menantu bercakap dengan doktor untuk sahkan anak saya sudah meninggal dunia kerana dia tidak percaya," katanya.

Ketua Polis Daerah Bachok, Superintendan Mohamad Ismail Jamaluddin ketika dihubungi mengesahkan kejadian.

Katanya, mayat mangsa dibawa ke Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZII) untuk tindakan lanjut.

"Kes diklasifikasi sebagai mati mengejut. Siasatan lanjut masih dijalankan," katanya.

Ismail berkata, pihak polis turut menasihatkan orang awam yang mempunyai ahli keluarga yang mengalami tekanan perasaan untuk mendapatkan bantuan polis atau pihak bertanggungjawab bagi mengelakkan kejadian tidak diingini berlaku.

WANITA OKU MAUT TERBAKAR SUDAH LAMA TERLANTAR DI ATAS KATIL

<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/wanita-oku-maut-terbakar-sudah-lama-terlantar-di-atas-katil/>

Sumber : Utusan



BUKIT MERTA JAM: Wanita orang kurang upaya (OKU) yang terkorban dalam kejadian kebakaran di Kampung Alma di sini, petang semalam dikatakan sudah dua tahun terlantar di atas katil.

Ketidakupayaan itu secara tidak langsung membataskan pergerakan mangsa, Nuraida Hashim, 43, untuk menyelamatkan diri dalam kejadian berkenaan.

Menurut abang ipar mangsa yang hanya mahu dikenali sebagai Abdul Rais, 50-an, ketika kejadian, mangsa berada di rumah bersama ibu dan anak saudaranya.

“Saya dan kakaknya (Nuraida) bagaimanapun berada di luar kawasan iaitu di Kulim, Kedah pada masa itu kerana mempunyai urusan.

“Anak saya (anak saudara mangsa) kemudian memaklumkan dia hanya sempat melarikan diri bersama neneknya yang berusia 80-an manakala ibu saudaranya tidak dapat dibawa keluar kerana api terlalu marak,” katanya.

Tambah Abdul Rais, dia kemudian menghubungi bomba dan polis untuk mendapatkan bantuan lanjut kerana tidak sempat berkejar untuk pulang ke rumah.

Difahamkan, kejadian tersebut dipercayai berpunca daripada litar pintas, namun punca sebenar kejadian masih belum disahkan setakat ini.

Dalam pada itu, usaha Utusan Malaysia untuk mendapatkan komen lanjut daripada ahli keluarga mangsa atau jiran terdekat gagal buat masa ini.

Dalam kejadian pukul 5 petang semalam, Nuraida dikategorikan mengalami masalah ketidakupayaan mental dikatakan berada di atas katil sebuah bilik di dalam rumahnya ketika kebakaran berlaku.

Jurucakap Jabatan Bomba dan Penyelamat negeri berkata, mangsa berjaya dibawa keluar ke tempat selamat ketika kejadian, namun pemeriksaan lanjut oleh pihak hospital kemudian mengesahkan wanita tersebut telah meninggal dunia. – UTUSAN

DEMI KEADILAN, KELUARGA SEDIA BAWA WANITA KOMA KE MAHKAMAH

<https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/04/12/demi-keadilan-keluarga-sedia-bawa-wanita-koma-ke-mahkamah/>

Sumber : Free Malaysia Today



PETALING JAYA: Walaupun situasinya agak rumit, keluarga Jahidah Nordin, 45, sedia membawa wanita koma itu ke mahkamah bagi mendapatkan keadilan dalam perbicaraan terhadap bekas suami yang didakwa memukulnya dua tahun lalu.

Adiknya, Fauziah Nordin, 41, berkata, pihak timbalan pendakwa raya bertanya jika boleh membawa Jahidah dari Seremban ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru bagi perbicaraan kes itu dalam masa terdekat.

“Kalau boleh, kami memang mahu bawa Kak Jahidah supaya mahkamah boleh lihat apa yang terjadi kepada kakak...juga demi keadilannya,” katanya menurut Harian Metro.

Fauziah berkata, NGO dikenali sebagai Dana Kita menyuarakan kesediaan menyediakan pengangkutan bagi membawa kakaknya ke Johor Bahru.

“Kos untuk menyewa ambulans agak mahal. Pengasas Dana Kita, Mohd Fadli Salleh atau lebih dikenali dengan panggilan Cikgu Fadli menghubungi Fazariah memaklumkan akan membantu.

“Kami bersyukur kerana ada pihak yang sudi membantu menyediakan perkhidmatan ambulans, malah mereka bersetuju menguruskan Kak Jahidah sekiranya perlu bermalam.”

Jahidah yang hamil, parah di kepala dan tengkorak, manakala rahang, tulang belakang serta rusuknya retak, disyaki dipukul suaminya di rumah mereka di Larkin pada 4 Mei 2021.

Penjawat awam itu menerima rawatan awal di unit rawatan rapi Hospital Sultanah Aminah di Johor Bahru, sebelum dipindahkan ke Hospital Tuanku Ja'afar Seremban.

WANITA DIRAMPAS MYKAD TIDAK DINAFIKAN RAWATAN DI HOSPITAL KERAJAAN

<https://www.thesundaily.my/cerita/berita/wanita-dirampas-mykad-tidak-dinafikan-rawatan-di-hospital-kerajaan-FP10862263>

Sumber : The Sun Daily



KUCHING: Seorang pesakit kanser wanita yang dilaporkan mengalami masalah selepas kad pengenalannya dirampas Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sejak November tahun lepas tidak pernah dinafikan untuk menjalani rawatan di dua hospital kerajaan di utara Sarawak.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Sarawak, Dr Ooi Choo Huck berkata anak perempuan kepada pesakit berusia 65 tahun itu telah dihubungi dan mengesahkan bahawa pihak Hospital Lawas dan Hospital Miri tidak pernah menolak untuk merawat ibu beliau.

“JKN Sarawak ingin memaklumkan bahawa perkhidmatan kesihatan telah terus diberi kepada pesakit ini tanpa mengira status pendaftaran MyKad dan kewarganegaraan pesakit berkenaan,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Kenyataan itu susulan laporan sebuah portal berita yang mengatakan wanita berkenaan, Lina Samuel menghadapi kesulitan untuk menjalani rawatan sejak MyKadnya dirampas JPN.

Laporan itu turut menyebut MyKad Lina dirampas sewaktu beliau hendak menukar alamatnya bagi membolehkannya mengundi pada Pilihan Raya Umum ke-15 tahun lepas dan pegawai JPN yang bertugas ketika itu memberitahu rampasan itu dibuat atas arahan orang atasan.

Dr Ooi berkata individu yang dilaporkan dalam portal itu adalah di bawah pemantauan pakar bedah di Hospital Miri yang telah melakukan beberapa prosedur untuk merawatnya antara 15 Feb hingga 20 Mac lepas, selain diberikan janji temu rawatan susulan di klinik pakar hospital itu pada 17 April ini.

“Pesakit berkenaan juga telah mendapatkan rawatan di Unit Kecemasan dan Trauma Hospital Lawas pada 1 April 2023, di mana beliau menjalani pemeriksaan serta dirujuk kepada pegawai

perubatan yang bertugas atas panggilan dan diberikan rawatan bersesuaian,” tambahnya. – Bernama

WARGA EMAS OKU RENTUNG DALAM KEBAKARAN RUMAH KEDAI

<https://www.malaysiakini.com/news/661960>

Sumber : Malaysia Kini



Seorang lelaki dipercayai warga emas dan orang kurang upaya (OKU) ditemukan rentung dalam kebakaran membabitkan sebuah rumah kedai dua tingkat di Jalan Seri Bahari di George Town, awal pagi hari ini.

Mayat mangsa yang identitinya belum dikenal pasti itu ditemukan di atas lantai di dalam bilik air tingkat bawah rumah berkenaan.

Pegawai Operasi Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Lebuh Pantai Mohd Shafie Mohamad Safar berkata pihaknya menerima panggilan kecemasan pada 4.11 pagi dan jentera pertama terus ke lokasi kebakaran.

"Ketika pihak bomba tiba api sedang marak membakar rumah kedai dua tingkat dan berdasarkan maklumat awal yang diterima terdapat seorang penghuni terperangkap di dalam premis itu.

"Pihak bomba berjaya mengawal kebakaran rumah kedai berkeluasan 130 meter persegi itu pada 4.43 pagi daripada merebak ke premis lain dan api dipadam sepenuhnya kira-kira setengah jam kemudian," katanya ketika dihubungi hari ini.

Katanya mayat mangsa diserahkan kepada polis sebelum dibawa ke Hospital Pulau Pinang (HPP) untuk dibedah siasat.

Mohd Shafie berkata berkata pihaknya dimaklumkan oleh pemilik premis bahawa kedai berkenaan tidak dilengkapi dengan bekalan elektrik.

"Kemungkinan ada sumber lain iaitu penggunaan cahaya persendirian seperti lilin yang dipercayai menjadi punca (kebakaran).

"Premis berkenaan dipercayai digunakan bagi menyimpan barangan lusuh dan kebakaran membabitkan kemusnahan sehingga 70 peratus," katanya.

Ketua Polis Daerah Timur Laut ACP Soffian Santong berkata deretan rumah kedai tersebut dimiliki sebuah persatuan dan premis nombor enam yang terbakar itu disewakan kepada seorang lelaki berusia 65 tahun yang bekerja sebagai pengawal keselamatan sejak lima tahun lepas.

Katanya pengawal keselamatan itu kemudian menyewakan pula beberapa bilik dalam rumah kedai tersebut kepada orang lain dan salah satunya kepada seorang lelaki berusia lingkungan 70-an sejak setahun lepas dengan kadar sewa RM200 sebulan.

"Butir-butir penyewa itu telah diperolehi, namun setakat ini saya belum dapat mengesahkan bahawa mangsa yang meninggal dalam kebakaran tersebut adalah penyewa lelaki Melayu yang berusia lingkungan 70-an berkenaan.

"Pihak polis masih berusaha untuk mengesahkan identiti mangsa memandangkan tiada sebarang pengenalan diri dijumpai pada mangsa. Siasatan punca kebakaran masih dalam tindakan pihak bomba," katanya.

MAYAT WARGA EMAS TERJUN JAMBATAN DITEMUI SELEPAS 28 JAM

<https://www.kosmo.com.my/2023/04/12/mayat-warga-emas-terjun-jambatan-ditemui-selepas-28-jam/>

Sumber : Kosmo



MUAR – Mayat warga emas yang nekad terjun dari jambatan dipercayai dalam cubaan membunuh diri di Jambatan 1, Sungai Muar, Bandar Maharani, awal pagi semalam ditemui hari ini selepas 28 jam hanyut.

Menurut Komander Operasi Shahrizal Mokhtar, mayat mangsa warga emas lelaki yang berusia 77 tahun itu telah ditemui kira-kira pukul 10.18 pagi ini.

“Sejak semalam, usaha carilamat giat dijalankan oleh pihak bomba dengan membuat pencarian permukaan di kawasan sekitar jeti Marina dan Dataran Tanjung Mas dalam jarak 16 kilometer (km) dengan menggunakan satu bot aluminium.

“Pencarian di persisiran pantai laman Maharani juga dijalankan dalam jarak 10 km dengan menggunakan utiliti hilux dan mayat mangsa telah dijumpai pukul 10.18 pagi ini oleh pasukan penyelamat di belakang pejabat daerah istana tanjung pada jarak lebih kurang satu kilometer dari tempat mangsa dipercayai terjun,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Mayat mangsa kemudian di bawa ke jeti dengan menggunakan bot penyelamat dan diserahkan kepada pihak polis bagi tindakan selanjutnya.

Semalam, media melaporkan seorang warga emas dipercayai dalam cubaan membunuh diri dengan terjun dari jambatan 1, Sungai Muar, Bandar Maharani pada pukul 6.03 pagi. – KOSMO! ONLINE